Principal®

In alliance with CIMB

Signature Dynamic Income and Growth Fund

Hab kewangan anda dipupuk untuk bertumbuh secara stabil dan menjana pendapatan yang berterusan

Eksklusif untuk CIMB Bank

Mengapa melabur dengan Dana ini?

1 Menyasarkan jumlah pulangan sebanyak 8-10% setahun*, termasuk potensi agihan sehingga 4.5% setahun*

Dana ini bertujuan untuk mencapai pendapatan dan pertumbuhan dengan menggabungkan peningkatan modal dan penjanaan pendapatan sebagai dua pemacu utama, menyesuaikan peruntukan asetnya secara dinamik bagi mengekalkan hasil jangka panjang yang konsisten.

Pecahan sasaran pendapatan dan jumlah pulangan*



Sumber: Principal. Data setakat September 2025. *Tidak dijamin. Untuk tujuan ilustrasi sahaja. Pemacu pendapatan dan pertumbuhan tertakluk kepada keadaan pasaran dan mungkin berbeza dari tahun ke tahun. Instrumen pelaksanaan utama ialah ETF. Keputusan pelaburan dan peruntukan adalah tidak bersifat statik dan mungkin berbeza daripada apa yang ditunjukkan di sini. Portfolio ini dibina dengan sekatan yang memerlukan peruntukan minimum sebanyak 60% dalam ETF aktif dan sekurang-kurangnya 70% dalam ETF J.P. Morgan. Prestasi masa lalu bukanlah penunjuk yang menjamin prestasi masa depan dan tidak seharusnya dijadikan asas utama dalam membuat keputusan pelaburan. Anda harus mempertimbangkan sama ada pelaburan itu bersesuaian dengan objektif pelaburan, keperluan tertentu dan situasi kewangan anda sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan.

2 Strategi pelaburan dinamik yang berteraskan Dana Dagangan Bursa (ETF) global

Principal menggunakan pendekatan peruntukan aset yang fleksibel dengan ETF global sebagai komponen terasnya. Dana ini melabur merentasi kelas aset, sektor dan wilayah dalam portfolio tunggal yang diurus secara aktif. Dengan menggunakan ETF aktif yang mempunyai likuiditi tinggi, Dana ini boleh mengimbangi semula portfolio secara dinamik mengikut keadaan pasaran, membolehkannya bertindak pantas untuk merebut peluang dan mengurus risiko dengan berkesan.

Pendekatan pelaburan pelbagai aset yang dinamik

Peruntukan aset disesuaikan mengikut setiap fasa kitaran ekonomi

Fasa pengukuhan

Tempoh dasar monetari yang akomodatif untuk menggalakkan pertumbuhan, perbelanjaan perniagaan, keyakinan pengguna dan inflasi masih pada tahap rendah.

Fasa pengembangan

Tempoh dasar monetari yang secara amnya bersifat akomodatif untuk menggalakkan pertumbuhan, perbelanjaan perniagaan dan keyakinan pengguna meningkat, dan inflasi mula meningkat secara beransur-ansur.

Fasa kemuncak

Dasar monetari mula diperketatkan, inflasi meningkat, perbelanjaan perniagaan yang tinggi mula berkurangan, keyakinan pengguna yang berlebihan.

Fasa kemerosotan

Dasar monetari bergerak ke arah pelonggaran, perbelanjaan perniagaan kekal rendah, keyakinan pengguna menurun dengan pantas, dan kadar inflasi beransur-ansur menurun.



Sumber: Principal. Data setakat September 2025. Peruntukan aset yang ditunjukkan adalah untuk tujuan ilustrasi dan gambaran sahaja. Peruntukan sebenar mungkin berbeza dan tidak semestinya diselaraskan berdasarkan peratusan yang dinyatakan di atas.

3 Diterajui oleh ETF, aktif pada terasnya

Diuruskan oleh Principal, Dana ini melabur dalam ETF J.P. Morgan – salah satu pembekal ETF aktif terbesar – yang dilengkapi secara terpilih oleh ETF global lain yang kukuh untuk kepelbagaian dan potensi prestasi yang lebih meluas. Sekurang-kurangnya 60% daripada portfolio diperuntukkan kepada ETF aktif untuk mencapai hasil sasaran dan pengurusan risiko yang responsif.

Mengapa portfolio model ETF semakin meningkat?
Antara manfaatnya ialah:

Kepakaran Pengurusan Pelaburan

Kebolehskalaan Perniagaan

Kepelbagaian

Penjimatan Masa

Usaha Wajar

Sumber: J.P. Morgan Guide to ETFs – Setakat Julai 2025.
Lihat halaman seterusnya untuk maklumat lanjut tentang ETF Aktif.

4 Gandingan CIMB Bank & Principal

Dengan pasukan berdedikasi yang terdiri daripada lebih 16 orang profesional dan pakar strategi pelaburan, pasukan Ketua Pegawai Pelaburan (CIO) CIMB membantu pelanggan mengemudi pasaran dengan sudut pandangan yang terpilih dan pemahaman yang berguna, untuk mengemudi pasaran yang kompleks.

Dengan memanfaatkan keupayaan pelbagai aset global Principal, pandangan makroekonomi yang mendalam dan kepakaran rentas aset, pasukan CIO menyediakan khidmat nasihat strategik dan pengawasan bagi memastikan Dana ini diletakkan pada posisi strategik untuk meraihkan pulangan dan meyakinkan pelabur terhadap Signature Series Fund.



Tahukah Anda? – ETF Aktif (sepintas lalu)

ETF ialah instrumen pelaburan yang menggabungkan sekuriti ke dalam kumpulan yang terpelbagai. Ia dibeli dan dijual di bursa, sama seperti saham, memberikan pelabur likuiditi serta akses kepada pasaran dan dana mereka sepanjang hari dagangan. Apabila dana-dana ini diuruskan secara aktif oleh pengurus portfolio profesional yang membuat keputusan pelaburan strategik, ia dikenali sebagai ETF aktif.



Sumber: J.P. Morgan Asset Management, Principal setakat 30 September 2025. Untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Ciri-ciri dan manfaat-manfaat ETF

Telus

- Pendedahan pegangan harian membawa kepada lebih kebolehlihatan sekuriti asas, penetapan harga yang lebih baik semasa tekanan pasaran dan jurang harga belian-jualan yang lebih kecil

Likuid

- Dagangan bursa menyediakan kadar kecairan intrahari
- Harga bida/tawaran yang berterusan meningkatkan penemuan harga, terutamanya dalam segmen pasaran tidak cair

Kos Yang Efektif

- Struktur yuran tunggal, nisbah perbelanjaan yang lebih rendah dan inovasi operasi menghasilkan kos yang lebih rendah untuk pelabur

Cekap Cukai

- Aktiviti pasaran sekunder membantu mengurangkan pusing ganti portfolio
- Keupayaan penebusan in-kind boleh membantu mengurangkan aktiviti perdagangan yang boleh dikenakan cukai

Mudah Diakses

- Menyediakan akses kepada pelbagai kelas aset yang mungkin tidak mudah diakses oleh semua pelabur, sama ada secara aktif atau pasif, tanpa ambang pelaburan minimum

Sumber: J.P. Morgan Guide to ETFs – Setakat Julai 2025.

Melabur dengan Principal

Memanfaatkan peluang istimewa yang ditemui oleh lebih daripada 1,000 profesional pelaburan yang berada di seluruh Asia, kami mencipta penyelesaian tersuai untuk memenuhi keperluan unik pelanggan kami.

Memanfaatkan keupayaan global dengan menggabungkan kepakaran pelaburan global kami dengan lancar, proses yang canggih dan rekod prestasi yang terbukti, kami meningkatkan peluang yang menarik untuk pelanggan kami.

Pengalaman transformatif di Asia dengan pengalaman pelaburan selama tiga dekad dan pengetahuan pasaran yang mendalam, kami memahami keperluan dan aspirasi yang berkembang bagi pelanggan kami di seluruh Asia.

Fakta Dana

Kategori dana	Aset Campuran/Pendapatan & Pertumbuhan
Objektif dana	Dana ini bertujuan untuk mencapai pendapatan dan kenaikan nilai modal.
Penanda aras	70% MSCI ACWI High Dividend Yield Index dan 30% Bloomberg Global Aggregate Index. Nota: Penanda aras Dana ini adalah untuk tujuan perbandingan prestasi sahaja. Anda perlu maklum bahawa profil risiko Dana ini tidak sama dengan profil risiko penanda aras. Maklumat mengenai MSCI ACWI High Dividend Yield Index boleh didapati daripada Lipper/Bloomberg. Maklumat mengenai Bloomberg Global Aggregate Index boleh didapati daripada Bloomberg.
Pengurus	Principal Asset Management Berhad
Mata wang asas	USD
Kelas unit	MYR, MYR-hedged, USD, SGD, SGD-hedged, AUD, AUD-hedged
Yuran permohonan	Sehingga 5.00% Nilai Aset Bersih (NAB) seunit
Yuran pengurusan	1.50% setahun daripada NAB bagi kelas berkenaan
Yuran pemegang amanah	0.045% setahun (termasuk yuran custodian tempatan tetapi tidak termasuk yuran dan caj sub-custodian luar negara) atas NAB Dana. Yuran sub-custodian luar negara bergantung pada negara yang dilaburkan dan dicajkan secara bulanan dengan tunggakan.
Tempoh bertenang	Bagi pelabur individu yang melabur dengan kami buat pertama kali, anda mempunyai enam (6) Hari Bekerja selepas membuat pelaburan awal anda (iaitu dari tarikh permohonan lengkap diterima oleh pihak kami atau mana-mana Pengedar kami) untuk pertimbangkan semula kesesuaian dan kewajaran pelaburan tersebut mengikut keperluan anda. Dalam tempoh ini, anda boleh mengeluarkan pelaburan anda pada Nilai Aset Bersih (NAB) seunit yang sama ketika unit-unit tersebut dibeli atau NAB seunit semasa tempoh bertenang (yang mana lebih rendah) ("Amaun Bayaran Balik"). Kami akan membayar Amaun Bayaran Balik termasuk Yuran Permohonan (jika ada) kepada anda dalam mata wang Kelas yang berkenaan dalam masa tujuh (7) Hari Bekerja, dari Tarikh kami menerima dokumen-dokumen yang lengkap. Harap maklum bahawa hak bertenang hanya diberikan kepada pelabur yang melabur dengan kami atau Pengedar-pengedar kami buat kali pertama. Walau bagaimanapun, kakitangan Principal Malaysia atau Individu(-individu) yang didaftarkan dengan badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk berurusan dengan amanah saham tidak berhak mendapat hak bertenang.
Penukaran	Penukaran akan dijalankan berdasarkan nilai pelaburan anda dalam Kelas tersebut. Jumlah minimum untuk penukaran tertakluk kepada: **Bagi penukaran keluar dari Kelas:** • jumlah pengeluaran minimum yang dikenakan pada Kelas tersebut; • baki minimum yang diperlukan (selepas penukaran) bagi Kelas tersebut, melainkan jika anda mengeluarkan keseluruhan pelaburan daripada Kelas tersebut; dan • Penalti Pengeluaran bagi Kelas tersebut (jika ada); **Bagi penukaran masuk ke dalam Kelas:** • jumlah pelaburan awal minimum atau jumlah pelaburan tambahan minimum (mana yang berkenaan) yang dikenakan pada Kelas tersebut; dan • yuran penukaran yang terpakai bagi penukaran yang dicadangkan (jika ada). Anda boleh membuat rundingan dengan pihak kami atau Pengedar kami untuk mengurangkan jumlah bagi penukaran anda.
Pemindahan	Kami mempunyai hak (mengikut budi bicara mutlak kami) untuk membenarkan atau menolak pemindahan unit, tertakluk pada terma dan syarat yang mungkin ditetapkan dalam Perjanjian.

Nota: Kami mengekalkan budi bicara mutlak kami dan tanpa memberikan sebarang sebab dan pada bila-bila masa untuk menerima, menolak, mengubah, meminda, mengecualikan dan/atau mengurangkan (seperti yang berkenaan): (i) permintaan anda untuk jumlah atau bilangan unit yang lebih rendah semasa membeli unit (atau unit tambahan) atau mengeluarkan unit; dan/atau (ii) baki minimum. Untuk menambah bilangan unit bagi pengeluaran minimum dan baki minimum, kami memerlukan persetujuan daripada Pemegang Amanah dan anda akan dimaklumkan mengenai perubahan tersebut. Kami boleh atas apa-apa sebab dan pada bila-bila masa, mengecualikan atau mengurangkan: (a) sebarang yuran (kecuali untuk Yuran Pemegang Amanah); (b) caj lain yang perlu anda bayar kepada Dana; dan/atau (c) nilai transaksi termasuk tetapi tidak terhad kepada unit atau amaun, untuk mana-mana pemegang Unit dan/atau pelaburan yang dibuat melalui mana-mana saluran atau platform pengedaran.

Unit Kelas

	Kelas MYR	Kelas MYR-Hedged	Kelas USD	Kelas SGD	Kelas SGD-Hedged	Kelas AUD	Kelas AUD-Hedged
Pelaburan permulaan minimum	MYR100	MYR100	USD100	SGD100	SGD100	AUD100	AUD100
	atau amaun lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa.						
Pelaburan tambahan minimum	MYR100	MYR100	USD100	SGD100	SGD100	AUD100	AUD100
	atau amaun lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa.						
Pengeluaran minimum	100 unit atau bilangan unit lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa.						
Baki minimum	100 unit atau bilangan unit lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa.						

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.principal.com.my**, hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di **(03) 7723 7260** atau WhatsApp di **(6016) 299 9792**, emelkan ke **myservice@principal.com** atau kunjungi mana-mana cawangan pengedar kami yang sah di seluruh negara.

Penafian: Kami sangat mengesyorkan anda membaca dan memahami kandungan Prospektus untuk Signature Dynamic Income and Growth Fund bertarikh 15 Oktober 2025 yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), sebelum melabur dan menyimpan Prospektus untuk rekod anda. Pengeluaran mana-mana unit yang berkaitan dengan Prospektus hanya akan dibuat apabila menerima permohonan yang dirujuk dan mengiringi salinan Prospektus, tertakluk pada terma dan syarat. Pelaburan dalam Dana ini mempunyai risikonya. Anda harus memahami risiko-risiko tersebut, membuat penilaian risiko anda sendiri, dan mendapatkan nasihat profesional jika perlu. Salinan Prospektus boleh didapati di ibu pejabat Principal Asset Management Berhad, laman web kami di www.principal.com.my, atau dari mana-mana pengedar kami yang diluluskan Terdapat yuran dan caj yang terlibat dalam melabur dalam pelaburan dana-dana. Kami mencadangkan anda mempertimbangkan yuran dan caj ini dengan teliti sebelum membuat pelaburan. Pelabur berhak membuat permintaan untuk Salinan Prospektus, Lembaran Sorotan Produk (PHS) dan dokumen pendedahan lain; dan dokumen pelaburan harus dibaca dan difahami sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, boleh jatuh atau naik. Prestasi masa lalu tidak menggambarkan prestasi masa depan dan pengagihan pendapatan tidak dijamin. Anda juga dinasihatkan membaca dan memahami kandungan Penyata Pendedahan Risiko Pembiayaan untuk Pelaburan dalam Unit Amanah sebelum membuat keputusan untuk mendapatkan pembiayaan untuk membeli unit. Pendaftaran Prospektus dengan SC tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa SC mengesyorkan atau menyokong Dana ini, dan SC tidak menyemak iklan yang dikeluarkan oleh Principal. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Tentang kami: Principal Malaysia, ialah usaha sama antara Principal Financial Group®, ahli FORTUNE 500® dan perkhidmatan kewangan global tersenarai Nasdaq dan CIMB Group Holdings Berhad, salah satu kumpulan perbankan universal terkemuka di Asia Tenggara. Ia ditubuhkan pada 13 Jun 1994, dengan ibu pejabatnya di Malaysia dan mempunyai cawangan di seluruh Indonesia, Thailand dan Singapura. Kami menawarkan pelbagai jenis penyelesaian untuk membantu orang ramai dan syarikat dalam membina, melindungi dan memajukan kesejahteraan kewangan mereka dengan unit amanah, skim persaraan, mandat budi bicara dan kepakaran pengurusan aset kami. Melalui idea-idea inovatif dan penyelesaian kehidupan sebenar, syarikat membantu melakukan kemajuan kewangan ke arah masa hadapan kewangan yang lebih terjamin untuk pelanggan dari pelbagai saiz pendapatan dan portfolio. Principal, Principal dan reka bentuk simbol, dan Principal Financial Group ialah tanda dagangan dan tanda perkhidmatan Principal Financial Services, Inc., ahli Principal Financial Group®.
© 2025 Principal Financial Services, Inc.

Principal Asset Management Berhad 199401018399 (304078-K)
Customer Service Centre
Level 31, Exchange 106, Lingkaran TRX,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur, Malaysia.